


# Berita Harian

RABU, 27 MEI 2015 (9 SYAABAN 1436)

## BH lancar versi baru app bergerak



Selasa, 26 Mei 2015

Berita Terkini

31 °C

RLAF kumpul lebih \$240,000 untuk mangsa gempa Nepal  
USAHA Yayasan Rahmatan Lil Alamin (RLAF) mengumpul derma bagi mangsa gempa bumi di Nepal tahun ini telah berjaya mengumpul \$241,479.

Kajian: Puasa Ramadan bantu pesakit kencing manis  
BUAT julung-julung kalinya, penyelidikan yang dilaksanakan oleh satu pasukan pakar tempatan mendapati puasa di bulan Ramadan dapat membantu pesakit kencing manis me...

**Berita Harian**  
KETAHUI LEBIH LANJUT!

Dapat Hadiah Menarik apabila anda melanggan bersama kami. PASTI!

Latihan tentera laut dua hala Singapura-Cina berakhir  
Angkatan Laut Republik Singapura (RSN) dan Tentera Pembebasan Rakyat (Navy/PLA(N))

## Masagos beri pasukan pesilat suntikan semangat

SETIAP pesilat mempunyai ceritanya sendiri dan berpeluang beraksi bagi mengharumkan nama negara.

Demikian kata-kata perangsang Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad (*aduk di kerusi*), yang juga Menteri Kedua Ehwal Luar merangkap Ehwal Dalam Negeri, semasa meninjau persiapan pasukan pesilat negara di Pusat Kecemerlangan Silat Persekutuan Silat Singapura (Persisi) petang semalam bagi menghadapi Sukan SEA dua minggu lagi.

Beliau, yang juga penaung Persisi, sempat berkongsi cerita dan pengalaman yang pernah dilalui sepanjang hidup untuk menaikkan semangat perjuangan pesilat negara.

Encik Masagos turut mendoakan agar pesilat dapat berjuang di gelanggang dengan selamat tanpa sebarang kecederaan teruk sambil menasihatkan mereka supaya tidak terburu-buru dan menghormati pesilat lawan. — Foto PERSISI

